


BAGATON

AMIL JAYA



BAGATON

Gundagulong sirus del membacs

~~Rayah~~
Duduk di Ismail Abbas

| | |
|--------------------------------------|-----|
| PERPUSTAKAAN DBP Cawangan, Sabah. | |
| No. Kelas: | |
| No. Perolehan: 0205/09 | |
| Tarikh: 77.4 | T.T |

| |
|--|
| PERPUSTAKAAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA |
|--|

KK. 893-3501 5102
ISBN 983-62-0459-8

Novel ini pernah diterbitkan secara berisik dalam *Mingguan Perdana* pada tahun 1982.

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Urusan, Holy Jaya Sdn. Bhd., Lot 216, Taman Bersatu, Jalan Putatan, Kota Kinabalu, Sabah Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Cetakan Pertama 1987

Cetakan Kedua 1988

Cetakan Ketiga 2004

© Hakcipta Amil Jaya (Ismail Abbas) 1987

Dicetak Oleh

RIKAPADU SDN. BHD.

Lot 12, Hiong Tiong Industrial Centre,

Km 11.2, Jalan Tuaran, 88450 Inanam.

Tel : 088-383769 Fax : 088-381769

Untuk

Samah om Tindal

Adak misongkial

Rugi ni engkiti

Untung ni ta jomo sendiri.

1

LEMBAH Tempasuk tahun 1450...

*Pada hari ini Kusempurnakan untuk kamu din
kamu dan Kucukupkan nikmat-Ku kepadamu dan
Aku berkati Islam menjadi dinmu.*

- *Suruh Al-Maidah ayat 3.*

*Sesungguhnya din (yang benar) bagi Allah
ialah Islam..*

-Surah Al-Imran, ayat 19

2

30 TAHUN kemudian...

Dia hairan. Ada semacam rasa sunyi di dalam dirinya. Bunyi ketur ayam betina dan kokok ayam jantannya sudah bertingkah-tingkah di halaman rumah. Namun rasa sunyi itu tidak juga menghilang dari dirinya. Kehairanan ini membuatkan dia berfikir: puncanya dari mana?

Kelopak matanya yang sudah terbuka luas itu menyerlahkan biji matanya yang bundar. Biji mata itu berpusar-pusar ke kiri dan ke kanan. Pusarannya terlalu perlahan. Dia dapat melihat dengan jelas setiap benda yang terlintas di pandangannya.

Biji mata itu berpusar terus, tanpa disertai oleh kepalanya. Keadaan itu menyebabkan pandangannya seperti terpaku ke atas bumbung rumah. Tapi penumpuan fikirannya tidak ke situ. Malah tidak ada lintasan-lintasan fikiran yang tergambar di dalam benaknya. Kelihatannya dia seperti orang yang lupa. Otaknya seperti tidak berfungsi. Kebingungan pada dirinya begitu terasa. Kosong di mana-mana.

Azamnya begitu kuat untuk mengingati sesuatu. Dalam pada itu pula dia merasakan dirinya seperti melupai sesuatu, tapi dia tidak dapat merumuskan apakah kelupaan itu.

Kian lama kian deras tenaga fikirnya memerah otak untuk menyedarkan diri. Dan dari kejauhan dasar ingatannya seolah-olah dia merasai ada permulaan kesedaran yang membuak dan mengimbau, tapi keadaannya timbul tenggelam. Tidak kekal. Tidak abadi.

Ulangan buakan dan imbauan fikiran tersebut sambung bersambung: timbul. Tenggelam. Timbul dan tenggelam lagi. Wujud. Sirna. Datang lagi. Lenyap. Demikian, ulangan imbas sedar itu bermain di dalam benaknya.

Dia menggeleng-gelengkan kepalanya ke kiri dan ke kanan. Gelengan itu dilakukan semahu-mahunya. Niatnya mahu mencair otaknya yang terasa beku itu. Perbuatan itu diulang-ulangnya terus.

Kepalanya berhenti. Hentiannya tiba-tiba sekali. Halanya mengiring ke sebelah kiri. Di situ matanya terpaku. Sebatang tubuh terbaring di sisinya. Keadaannya tenang dan damai.

Rasa sedarnya kini terus mengimbau. Terserlah dan ketara. Dia senyum. Ada sesuatu yang menggeletik dan menggelikan hati kecilnya. Senyum itu kian melebar. Akhirnya terserlah banjaran giginya yang putih tersusun rapi memagari ruang mulutnya.

“Rupanya saya tertidur, dalam usaha untuk berjaga terus hingga ke pagi,” bisik hatinya. Kekuatan harapan dan tekadnya yang tidak mahu tidur itu rupanya tidak dapat mengalahkan kekuatan tabii ke atas dirinya. Dia tertidur.

Niatnya begitu besar mahu menarik tangannya, tapi niat itu terpaksa diurungnya. Dia berasa tangan itu terletak di atas dada dan genggam tangan pemilik tubuh yang terbaring di sisinya. Keengganan itu adalah didasarkan pada ketidakmampuannya mengusik dan mengganggu kedamaian tidur tubuh yang terbaring di sisinya itu.

Kini dia kembali menelentang dan memandang susunan atap rumbia yang diikat rapi di setiap kasau rumahnya. Anak matanya bergerak-gerak menuruni lingkaran-lingkaran

rotan yang membelit-belit dan melingkari kasau-kasau yang berjalur-jalur dari bumbung rumah hingga ke kayu penutup tiang. Demikian anak mata itu turun naik mengikuti lingkaran bilah-bilah rotan yang diraut rapi itu.

Sedarnya yang kini sudah mula menguasai diri itu, menyebabkan dia kini mengetahui matahari sudah meninggi di kaki langit. Matahari itu melewati banjaran bukit yang menjadi pemisah antara perkampungannya dengan kaki langit. Kicau murai dan siulan burung merbah tidak lagi terdengar di persekitaran rumahnya. Burung-burung itu sudah berterbangan mencari rezeki. Dan nanti petangnya akan kembali pula bertenggek dan tidur di pokok beringin di belakang rumahnya. Berteduh sementara di dalam rimbunan daun beringin, menunggu hari siang pada esoknya untuk terus memburu rezeki lagi. Rutin itulah menjadi kehidupan burung-burung itu.

Puas saja matanya memandang susunan atap dan lingkaran bilah-bilah rotan di kayu kasau rumah itu, dia kembali mengiring ke sebelah kiri. Niatnya mahu melihat tubuh yang tidur nyenyak dengan damainya itu.

Hatinya mundur maju untuk mengusik tubuh yang subur itu. Dia dapat merasakan betapa derita isterinya menahan sakit di bahagian perutnya semalam. Merasa simpati di atas keadaan demikianlah maka hatinya mundur maju untuk mengganggu tidur pemilik tubuh itu.

Dia mengangkat kepalanya tinggi sedikit. Dia mahu melihat wajah tubuh yang dikasihinya itu puas-puas, tanpa penyembunyian sedikit pun daripada pemilik tubuh itu seperti selalu. Walaupun sudah hampir dua tahun mereka hidup serumah sebagai suami isteri, tetapi belum pernah sekalipun dia berasa puas menatap wajah isterinya. Dengan erti kata penatapan yang sebenarnya, kerana setiap kali dia berbuat begitu setiap kali pula isterinya mengelaki renungannya.

Mulut yang kelihatan merekah dan terbuka sedikit itu

begitu manis. Dua ulas bibir yang tidak begitu tebal, kelihatan pucat, tapi masih saja menampilkan kemanisan dan keayuannya. Kepudaran itu, adalah akibat sakit yang ditanggung isterinya selama tiga hari itu fikirnya. Dia menghidap sakit perut. Dengan semalam sudah empat malam berturut-turut sakit itu dialaminya.

Tangannya kini terasa lenguh, dia bercadang meleraikannya daripada genggam tangan isterinya. Tujuannya mahu menselesaikan dirinya. Peleraian itu dibuat begitu cermat. Dia telah memutuskan dalam dirinya bahawa dia tidak mahu mengganggu tidur isterinya.

Sesudah memerhati wajah isterinya, semacam timbul pula rasa keghairahan di dalam hatinya. Keinginan untuk memeluk tubuh yang penuh berisi itu begitu menggelora. Tapi keinginan dan keghairahan itu dibunuh kembali oleh rasa simpati terhadap isterinya yang sudah empat malam tidak dapat tidur nyenyak itu. Dan keinginan tersebut terpaksa diurung, walaupun suasana pagi yang sunyi tenang itu amat sesuai untuk dia bercengkerama dengan isterinya.

Dia mahu menelentang kembali sesudah lama mengiring ke arah tubuh isterinya. Hatinya mengharapkan biarlah kesegaran tubuh isterinya pulih ketika dia bangun nanti. Dia sendiri tidak mengetahui sejak bila dia tertidur. Kekatupan matanya tidak disedarinya langsung. Cuma dia pasti sangat, bahawa kokok ayam jantannya sudah bertingkah-tingkah antara satu sama lain di samping kedinginan dan kesunyian malam amat terasa.

Memang keadaan di persekitaran rumahnya sentiasa sunyi sepanjang malam. Jiran-jiran tidak ada. Rumahnya jauh terpencil di lereng bukit Endilib. Sudah hampir dua tahun dia tinggal di kawasan itu bersama isterinya. Dan Cuma mereka berdua saja makhluk manusia di kawasan terpencil itu.

Sekali lagi dia mengiring. Muka isterinya ditatapnya lagi. Bulu mata yang lebat, milik isterinya yang kelihatan